

**PENGARUH TEKANAN, PERSONALITI DAN  
IKLIM SEKOLAH TERHADAP UTILITI KERJA  
GURU TINGKATAN ENAM  
DI SABAH**



**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**PENGARUH TEKANAN, PERSONALITI DAN  
IKLIM SEKOLAH TERHADAP UTILITI KERJA  
GURU TINGKATAN ENAM DI SABAH**

**NURJANNAH FATIN AMIRAH BT KARIMING**



**1IMS**  
UNIVERSITY OF MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGARUH TEKANAN, PERSONALITI DAN IKLIM SEKOLAH TERHADAP UTILITI KERJA GURU TINGKATAN ENAM DI SABAH.**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **NURJANNAH FATIN AMIRAH BT KARIMING**, Sesi **2015-2020**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh,

---

**NURJANNAH FA KARIMING**  
**DP1511006T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 18 Sept 2020

---

(Prof. Madya Dr. Abdul Said Ambotang)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 SEPT 2020

NURJANNAH F.A KARIMING

DP1511006T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **NURJANNAH FATIN AMIRAH BT KARIMING**


NO. MATRIK : **DP1511006T**

TAJUK : **PENGARUH TEKANAN, PERSONALITI DAN IKLIM SEKOLAH TERHADAP UTILITI KERJA GURU TINGKATAN ENAM DI SABAH.**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **06 OGOS 2020**



**DISAHKAN OLEH;**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
Tandatangan

### **PENYELIA**

Prof. Madya Dr. Abdul Said Bin Ambotang

.....

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT dengan anugerah dan limpah rahmatNya membenarkan tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Abdul Said Bin Ambotang selaku penyelia saya dalam melaksanakan tesis ini. Terima kasih atas segala bimbingan, nasihat, dan tunjuk ajar yang diberi. Bimbingan profesional yang dihulurkan tanpa mengira waktu atau tempat amat saya hargai dan semoga Allah SWT sahaja yang dapat membalias budi baik beliau. Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat dan Dr Musirin Mosin selaku pemeriksa dalaman yang banyak bertungkus-lumus dan meluangkan banyak masa memeriksa dan memberi teguran serta tunjuk ajar sepanjang penulisan tesis ini. Jutaan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Zainudin Abu Bakar sebagai pemeriksa luar yang turut memantapkan penulisan tesis ini melalui saranan-saranan bernas yang diberi.

Penghargaan ini juga saya tujuarkan kepada panel pakar penyemak soal selidik khususnya Profesor Dr Jusang Bolong, Profesor Madya Dr. Fauzi Hussin, Profesor Madya Dr. Suppiah Nachiappan, dan Dr. Ahmad Zabidi Abdul Razak kerana memberikan pengesahan dan cadangan yang diperlukan bagi memantapkan instrumen kajian ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga saya tujuarkan kepada panel pakar bahasa Puan Samsiah Sundu (Munsi Dewan) yang banyak memberi teguran dan pembetulan instrumen tesis ini. Seterusnya, kepada semua pensyarah dan staf Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) serta Pusat Pengajian Pasca Siswazah UMS, terima kasih atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang pengajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, dan Pengetua-Pengetua Sekolah (terpilih) kerana memberi kerjasama penuh dalam kelulusan dan keizinan menjalankan penyelidikan ini.

Penghargaan turut ditujukan kepada pengetua dan semua kakitangan serta rakan Guru Akademik Tingkatan Enam SMK Merotai Besar, Tawau, Sabah atas sokongan moral yang ditunjukkan. Tidak dilupakan rakan guru di seluruh negeri Sabah yang telah membantu mengedor dan mengutip semula borang soal selidik kemudian menyerahkan semula kepada saya. Semoga kebaikan kalian mendapat kebaikan yang berlimpah kali ganda dari Nya. Selain itu, penghargaan yang tidak ternilai taranya kepada kedua ibu bapa saya En. Kariming Bin Salewangi dan Pn. Hamia binti Jada atas doa dan sokongan mereka. Ribuan kasih sayang dan terima kasih atas pengorbanan dan sokongan suami tercinta En. Ruslan bin Musi yang tidak pernah jemu memberi sokongan sama ada dari aspek kewangan dan sokongan semangat sepanjang menyiapkan tesis ini. Terima kasih anakanda Fatihah dan adik-beradik yang banyak membantu. Akhir sekali, penghargaan dan sanjungan tidak ternilai kepada yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung sehingga perjuangan ini selesai.

NURJANNAH FATIN AMIRAH  
BT KARIMING  
18 SEPT 2020

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh tekanan, personaliti dan iklim sekolah terhadap utiliti kerja guru tingkatan enam di Sabah, Malaysia. Kaedah kajian kuantitatif digunakan oleh pengkaji. Kajian mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan beberapa teknik pensampelan secara berperingkat. Berpandukan Krejcie dan Morgan, sampel ditetapkan sekurang-kurangnya sebanyak 279 orang, namun pengkaji menggunakan sebanyak 340 borang soal selidik yang lengkap diisi. Pengumpulan data menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada responden iaitu guru tingkatan enam di Sabah. Kajian ini juga menggunakan teori Dua Faktor, teori Robbin, Teori Lewis dan Goldberg dan teori Litwin dan Stringer. Analisis deskriptif menunjukkan semua variabel diramalkan pada tahap tinggi dan sederhana. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) versi 24.0 dan analisis *Structural Equation Modelling* (SEM) versi 21.0. Ujian-*t* dan ANOVA sehalia membuktikan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi semua variabel berdasarkan jantina, umur, gaji, dan jawatan responden di sekolah. Ujian Korelasi *Pearson* pula menunjukkan nilai signifikan bagi variabel tekanan, personaliti, dan iklim sekolah terhadap utiliti kerja guru tingkatan enam di Sabah adalah ditolak. Dapatan kajian menunjukkan pemboleh ubah tekanan, personaliti, dan iklim sekolah memberi hubungan yang signifikan terhadap utiliti kerja guru. Melihat kepada pengaruh faktor peramal tekanan, personaliti, dan iklim sekolah terhadap utiliti kerja guru adalah ditolak membawa maksud terdapatnya pengaruh pemboleh tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan wujud hubungan signifikan utiliti kerja bagi variabel tekanan ( $r=0.556$ ,  $p<0.05$ ), personaliti ( $r=0.612$ ,  $p<0.05$ ), dan iklim sekolah ( $r=0.660$ ,  $p<0.05$ ) dengan utiliti kerja guru tingkatan enam di Sabah. Berdasarkan data empirikal yang dibentangkan, kajian ini boleh dijadikan panduan oleh semua pihak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pendidikan dan penyelidikan yang berkait hubung dengan kajian ini.

## ***ABSTRACT***

### ***THE INFLUENCE OF STRESS, PERSONALITY AND SCHOOL CLIMATE TOWARDS FORM SIX TEACHERS UTILITY WORK IN SABAH***

*This study was held to identify the relationship and influence of stress, personality and school climate towards form six teachers utility work in Sabah, Malaysia. Quantitative research method was used by the researcher. This research applies survey method by combining a few sampling technique in stages. According to Krejcie and Morgan, the samples must be at least 279 people. Yet, the researcher used 340 filled survey forms instead. Collection of data using a set of questionnaire that was then distributed to respondents which are among form 6 teachers in Sabah. This research was also underlying Two Factor theory, Robbin theory, Lewis and Goldberg theory and Litwin and Stringer theory. Descriptive analysis showed all predicted variables are at high and medium stage. This research data was analyzed using Structural Equation Modeling (SEM) version 21.0. T-test and one way ANOVA proved that there is no significance difference in min score for all variables according to gender, age, salary and respondent's position in school. Meanwhile, Pearson Correlation test showed significance value towards these variables which are stress, personality and school climate towards form six teachers utility work in Sabah was rejected. Findings showed stress, personality and school climate gives significance relationship towards teachers' utility work. Looking at predicted influence factor which are stress, personality and school climate towards teachers utility work was rejected means that there is an influence of independent variables with dependent variables. Pearson Correlation test showed that there was significant relationship between stress ( $r=0.556$ ,  $p<0.01$ ), personality ( $r=0.612$ ,  $p<0.01$ ), and school climate ( $r=0.660$ ,  $p<0.01$ ) with utility work. According to presented empirical data, this study could be a guideline to everyone that was actively or passively involved in education field that relates to this research.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Soalan Kajian	16
1.7 Hipotesis Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	18
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Definisi Operasional Kajian	20
1.10.1 Tekanan Kerja	20
1.10.2 Personaliti Guru	22
1.10.3 Iklim Sekolah	23
1.10.4 Utiliti Kerja	26
1.11 Rumusan	28

### **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	29
2.2 Definisi Konsep	29
2.2.1 Konsep Utiliti Kerja	29
a. Utiliti dan Gaji	30

b.	Utiliti dan Kenaikan Pangkat	32
c.	Utiliti dan Kerja Itu Sendiri	33
d.	Utiliti dan Penyeliaan	37
e.	Utiliti dan Hubungan	39
f.	Huraian Teori, Model dan Kajian Lepas Utiliti Kerja	40
2.2.2	Konsep Tekanan Kerja	49
a.	Tekanan Kerja dan Aspek Fizikal	49
b.	Tekanan Kerja dan Aspek Psikologi	51
c.	Tekanan Kerja dan Aspek Tingkah Laku	53
d.	Tekanan Kerja dan Aspek Mental	54
e.	Huraian Teori, Model dan Kajian Lepas Tekanan	56
2.2.3	Konsep Ciri Personaliti	64
a.	Personaliti Bertenaga (Extraversion)	66
b.	Personaliti Ketidakstabilan Emosi (Neurotism)	67
c.	Personaliti Penerimaan (Agreeableness)	68
d.	Personaliti Keterbukaan (Openness)	69
e.	Personaliti Ketelitian (Conscientiousness)	70
f.	Huraian Teori, Model dan Kajian Lepas Personaliti	72
2.2.4	Konsep Iklim Sekolah	79
a.	Iklim Sekolah dan Struktur	79
b.	Iklim Sekolah dan Autonomi	80
c.	Iklim Sekolah dan Pengiktirafan	81
d.	Iklim Sekolah dan Sokongan Pentadbir	83
e.	Iklim Sekolah dan Kekaburuan Peranan	83
f.	Iklim Sekolah dan Peraturan	84
g.	Huraian Teori, Model dan Kajian Lepas Iklim Sekolah	86
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	90
2.4	Kerangka Teoretikal	92
2.5	Rumusan	93
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	94
3.2	Reka Bentuk Kajian	94
3.3	Lokasi Kajian	96
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	96

3.4.1	Populasi	96
3.4.2	Pensampelan	100
3.5	Instrumen Kajian	103
	Bahagian A : Demografi Responden	106
	Bahagian B : Tekanan Kerja	107
	Bahagian C : Personaliti Guru	107
	Bahagian D : Iklim Sekolah	108
	Bahagian E : Utiliti Kerja	108
3.5.1	Kaedah Penilaian Instrumen Kajian	109
3.6	Kajian Rintis	111
3.6.1	Kenormalan	112
3.6.2	Kesahan Instrumen Soal Selidik	113
3.6.3	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	113
3.6.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	120
3.7	Prosedur Kajian dijalankan	121
3.8	Tatacara Menganalisis Data Soalan	122
3.9	Analisis Data	126
3.9.1	Statistik Deskriptif	126
a.	Kekerapan dan Peratusan	127
b.	Skor Min	127
3.9.2	Statistik Inferensi	128
a.	Ujian T-test	128
b.	Ujian Anova Sehala	128
c.	Korelasi Pearson	129
d.	Regresi Berganda	130
e.	Analisis Structural Equation Modelling (SEM)	131
3.10	Rumusan	132
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	133
4.2	Perihalan Responden	134
4.3	Analisis Kenormalan dan Kebolehpercayaan	135
4.4	Analisis Deskriptif	136
4.4.1	Taburan Jantina Responden	136
4.4.2	Taburan Data Umur, Gaji Pokok dan Jawatan	137

4.4.3	Analisis Tahap	138
4.5	Analisis Inferensi	140
4.5.1	Hipotesis $H_{01}, H_{02}, H_{03}, H_{04}$	140
4.5.2	Hubungan $H_{05}, H_{06}, H_{07},$	144
4.5.3	Regresi $H_{08},$	146
4.5.4	Analisis Structure Equation Modeling (SEM)	149
a.	Analisis Model Pengukuran	149
b.	Analisis Model Struktur	152
4.6	Rumusan Pengujian Hipotesis	155
4.7	Rumusan	156
<b>BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pendahuluan	157
5.2	Rumusan Kajian	157
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	158
5.3.1	Taburan Demografi Responden	158
5.3.2	Tahap Pemboleh Ubah	162
5.3.3	Perbezaan Utiliti berdasarkan Demografi	169
5.3.4	Hubungan Setiap Variabel	172
5.3.5	Pengaruh Setiap Variabel	179
5.3.6	Analisis Structure Equation Modeling (SEM)	187
5.4	Implikasi Kajian	192
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	192
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	196
5.4.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	197
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	197
5.6	Penutup	199
<b>RUJUKAN</b>		<b>200</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>237</b>


## **SENARAI JADUAL**

Halaman

Jadual 2.1	:	Hierarki Teori Keperluan Maslow	41
Jadual 2.2	:	Hubungan Teori Frederick Herzberg dan Teori Abraham Maslow	43
Jadual 2.3	:	Ciri-ciri Personaliti Gray	78
Jadual 3.1	:	Jadual Taburan Populasi (Zon)	97
Jadual 3.2	:	Jadual Taburan Bilangan Populasi	98
Jadual 3.3	:	Pensampelan Krejcie dan Morgan	102
Jadual 3.4	:	Taburan Soalan Instrumen	105
Jadual 3.5	:	Taburan Item Tekanan Kerja	107
Jadual 3.6	:	Taburan Item Personaliti	107
Jadual 3.7	:	Taburan Item Iklim Sekolah	108
Jadual 3.8	:	Taburan Item Utiliti Kerja	108
Jadual 3.9	:	Skala Likert Soal Selidik Tekanan Kerja	109
Jadual 3.10	:	Skala Likert Soal Selidik Personaliti	109
Jadual 3.11	:	Skala Likert Soal Selidik Iklim Sekolah	110
Jadual 3.12	:	Skala Likert Soal Selidik Utiliti Kerja	110
Jadual 3.13	:	Kenormalan Pemboleh Ubah	112
Jadual 3.14	:	Pakar Kesahan Bahasa	113
Jadual 3.15	:	Senarai Panel Pakar Instrumen	113
Jadual 3.16	:	KMO Tekanan Kerja	114
Jadual 3.17	:	KMO Personaliti	115
Jadual 3.18	:	KMO Iklim Sekolah	117
Jadual 3.19	:	KMO Utiliti Kerja	118
Jadual 3.20	:	Rules Of Thumbs	120

Jadual 3.21	: Kebolehpercayaan Item	121
Jadual 3.22	: Prosedur Kajian	121
Jadual 3.23	: Tatacara Analisis Data	125
Jadual 3.24	: Interpretasi Skor Min	127
Jadual 3.25	: Indeks Korelasi	130
Jadual 4.1	: Bilangan Guru Mengikut Zon	134
Jadual 4.2	: Analisis Normaliti Terhadap Pemboleh Ubah	135
Jadual 4.3	: Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	136
Jadual 4.4	: Taburan Responden Mengikut Jantina	137
Jadual 4.5	: Taburan Responden mengikut Umur, Gaji, dan Jawatan	138
Jadual 4.6	: Analisis Skor Min Tekanan, Personaliti, Iklim dan Utiliti Kerja	139
Jadual 4.7	: Independent Samples Test Jantina	140
Jadual 4.8	: Analisis Ujian Anova Homogeneity Umur	141
Jadual 4.9	: Analisis Ujian Anova Mengikut Umur	141
Jadual 4.10	: Analisis Ujian Anova Homogeneity pokok Gaji	142
Jadual 4.11	: Analisis Ujian Anova Mengikut Pokok Gaji	142
Jadual 4.12	: Analisis Ujian Anova Homogeneity Jawatan	143
Jadual 4.13	: Analisis Ujian Anova Mengikut Jawatan	143
Jadual 4.14	: Analisis Hubungan Pemboleh Ubah	144
Jadual 4.15	: Analisis Stepwise Pemboleh Ubah Peramal Kajian terhadap Utiliti Kerja.	146
Jadual 4.16	: Analisis Ringkasan Ujian Regresi pelbagai	147
Jadual 4.17	: Analisis Ujian Anova Variabel Peramal Kajian	147
Jadual 4.18	: Analisis Pengaruh Coefficients Variabel Peramal terhadap Variabel Criterion	148
Jadual 4.19	: Jadual Composite Reliability dan Average Variance Extracted	150

Jadual 4.20	: Korelasi antara Pemboleh Ubah	151
Jadual 4.21	: Pengukuran Penyesuaian Model	152
Jadual 4.22	: Analisis Hubungan Langsung	153



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 2.1 : Model Kepentingan Yang	44
Rajah 2.2 : Model Kepuasan Kerja	47
Rajah 2.3 : Model Tindak Balas Sindrom Penyesuaian Umum	58
Rajah 2.4 : Sindrom Adaptasi Am	59
Rajah 2.5 : Model Tekanan Cooper	60
Rajah 2.6 : Model Tekanan Guru	61
Rajah 2.7 : Model Tekanan Kerja Guru	62
Rajah 2.8 : Model Tekanan Atkinson	63
Rajah 2.9 : Teori Tingkah Laku Terancang	72
Rajah 2.10 : Teori Trait Gordon Allport	73
Rajah 2.11 : Teori Personaliti Carl Jung	74
Rajah 2.12 : Teori Personaliti Raymond Cattell	75
Rajah 2.13 : Teori Personaliti Sigmund Freud	76
Rajah 2.14 : Teori Tipologi Heksagon Holland	77
Rajah 2.15 : Kerangka Konseptual Kajian	91
Rajah 2.16 : Kerangka Teoretikal	93
Rajah 3.1 : Prosedur Pensampelan Rawak Berperingkat	103
Rajah 4.1 : Keputusan Analisis Model Struktur Kajian	154

## **SENARAI LAMPIRAN**

Halaman

Lampiran A	:	Soal Selidik Kajian	237
Lampiran B	:	Panel Pakar Pemeriksa Borang Soal Selidik	246
Lampiran C	:	Kebenaran Penggunaan Instrumen Kajian Asal	253
Lampiran D	:	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	255
Lampiran E	:	Maklumat Bilangan Guru Tingkatan 6 di Sabah	256
Lampiran F	:	Jadual Penentu Saiz Sampel	260
Lampiran G	:	Normaliti Kajian Rintis	263
Lampiran H	:	Analisis Faktor Kajian	265
Lampiran I	:	Normaliti Kajian Sebenar	280
Lampiran J	:	Kebolehpercayaan (Kajian Sebenar)	281
Lampiran K	:	Data Dapatan Kajian	285
Lampiran L	:	Data Analisis Laluan SEM	296




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan adalah satu keperluan dalam kehidupan manusia. Pendidikan boleh menggambarkan kemahiran dan penguasaan ilmu serta sahsiah yang murni untuk digunakan bagi menjalani kehidupan kian mencabar hari ini. Dunia yang berkembang pesat dan berdaya saing secara global menuntut modal insan melengkapkan diri yang mencakupi perkembangan pesat teknologi kini. Dalam akta pendidikan untuk mencapai negara maju masyarakat dan negara perlu lengkap dari segi sosial dan rohani, modal dan etika, bersatu padu, liberal dan dinamik serta perlu bersatu padu (Akta Pendidikan, 1996).




UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH

Meningkatkan serta melahirkan warga negara yang bijak bukanlah matlamat pendidikan kita semata-mata. Modal insan yang dilahirkan sepatutnya seiring dengan pembangunan rohani dan akhlak yang baik. Keseimbangan seorang insan dilihat dari semua aspek kehidupan seperti rohani, intelek, emosi, dan jasmani. Terdapat pepatah yang sering menjadi sebutan hari ini “ sekiranya kita ingin melihat bagaimana negara kita akan datang maka lihatlah belia kita hari ini”. Pembangunan negara mahupun perkembangan modal insan akan berfokus pada dunia pendidikan. Sistem pendidikan dan dasar yang sering berubah menggambarkan keadaan sebenar bidang pendidikan masa kini yang kian mencabar dan berkembang pesat. Namun begitu pendidikan awal seharusnya bermula dari rumah sama ada ilmu formal mahupun tidak formal sehinggalah ke pusat pengajian tinggi.

Suasana organisasi hendaklah setanding dengan kemajuan pendidikan moden hari ini kerana persekitaran sekolah khasnya perlu kondusif untuk keselesaan guru dan pelajar agar terlahirlah anak bangsa yang unggul bagi menjayakan hasrat falsafah negara kita Malaysia. Oleh yang demikian, ibu bapa dan keseluruhan institusi kekeluargaan adalah perlu terlibat secara total untuk memastikan anak mereka berkembang pada landasan yang betul sama ada dari sahsiah mahu pun akademik. Cabaran guru hari ini sangat mencabar terutama beban tugas sampingan sehingga guru tidak berkesempatan untuk melaksanakan tugas utama guru. Melaksanakan tugas utama iaitu mengajar dan memberi bimbingan kepada pelajar agar proses PdPc berjalan lancar.

Pernyataan yang dibahas oleh Abdul Shukor (1998) ada menyebut bahawa institusi sekolah hari ini banyak membebankan guru dengan pelbagai tugas. Tugasan yang tidak sepatutnya sering datang dengan tidak diduga. Beban tugas sampingan yang banyak menyebabkan masa yang diperuntukkan lebih kepada tugas-tugas lain seperti menguruskan program-program sekolah, kerja pengkeranian dan kerja setiausaha boleh menjelaskan mutu dan kualiti pengajaran guru.



Pelbagai cara boleh dilakukan untuk meningkatkan utiliti kerja guru iaitu memberi ruang kepada guru untuk berfokus kepada proses pengajaran. Cara ini akan memberi ruang dan peluang kreativiti dan inovasi seorang guru dapat ditonjolkan agar kerja utama mereka dapat dilaksanakan dengan jayanya. Isu utiliti kerja guru dalam kalangan guru sering menjadi topik hangat yang sering dibicarakan. Seperti mana hari ini semua sistem perekodan markah dan data menggunakan alam maya namun kemudahan internet yang tidak memuaskan seperti ketiadaan dan kerosakan rangkaian menjadi kekangan kepada guru-guru khasnya. Terdapat bukti yang ketara menunjukkan pekerja tidak berpuas hati akan lebih kerap ponteng kerja dan berkemungkinan mempunyai gelagat yang destruktif (Robbin, 2001).

Terdapat pelbagai situasi yang boleh menimbulkan ketidakpuasan kerja seperti pentadbiran yang pilih kasih, pentadbir yang tidak mementingkan kebajikan guru, sumbangan guru tidak dihargai dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung mengusik motivasi subordinat bawahan untuk datang berkhidmat. Isu utiliti kerja guru di sekolah perlu diambil peduli terutama dari pihak pentadbir sekolah khasnya yang mana Oshagbemi (2003) ada menyatakan bahawa isu utiliti kerja dalam kalangan guru perlu ditangani dengan baik. Guru yang merasa tidak berpuas hati dengan tugasannya ataupun dihujani dengan beban kerja yang melampau cenderung untuk menjadi tidak bersemangat dan boleh menyebabkan ketidakhadiran ke sekolah. Ketidakhadiran ke tempat kerja adalah hal yang perlu dipandang serius agar guru mencapai tahap utiliti kerja (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2011).


## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Dunia khasnya menjadikan bidang pendidikan sebagai medan kemajuan negara masing-masing. Pelbagai dasar dan sistem pelajaran dibentuk dan digubal bagi mencapai matlamat negara bermula dengan pendidikan pra sekolah, alam sekolah rendah, alam persekolahan menengah sehingga ke menara gading. Bidang pendidikan merupakan satu bidang yang amat mencabar kerana dijadikan tunggak utama dalam kemajuan negara. Hal ini pernah dinyatakan oleh Ibrahim (2010), profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar.

Satu daripada agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah dengan melestarikan Tingkatan Enam sebagai pilihan pelajar setelah tamat pengajian di sekolah menengah dan agenda ini dirancang bermula tahun 2013 sehingga 2025. Pelaksanaan agenda ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Pemerkasaan tingkatan enam telah meningkatkan imej dan kewibawaan pelaksanaan bertujuan untuk menarik lebih minat pelajar memilih aliran tingkatan enam sebagai platform untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi melahirkan pelajar

yang yang berdaya saing dan berkualiti, pelbagai pembaharuan dari aspek pengurusan sumber manusia, pengajaran dan pembelajaran perlu diuruskan dengan cekap dan optimum (KPM, 2016a).

Menjenamakan dan meningkatkan imej tingkatan enam mengikut acuan serta konsep yang telah dirancang dengan teliti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan untuk menjadikan pengajian tingkatan enam lebih menarik dan setaraf dengan program-program yang ditawarkan di institusi pengajian swasta dan awam. Pemerkasaan ini bertujuan agar pelajar lepasan tingkatan lima akan kekal di sekolah (KPM, 2016a). Strategi untuk menarik minat pelajar dengan melakukan beberapa perubahan penjenamaan semula tingkatan enam ialah memperkenalkan sistem modular iaitu sistem mengikut semester atau penggal.



Sistem baru ini telah diluluskan pada 4 Januari 2014 oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM). Selain itu pelaksanaan kerja kursus dan peperiksaan diperkenalkan. Peperiksaan yang diduduki oleh pelajar adalah mengikut penggal. Setelah peperiksaan berlangsung keputusan peperiksaan juga akan diumumkan mengikut penggal dan pelajar tingkatan enam boleh mengambil peperiksaan ulangan semester satu dan dua untuk memperbaiki keputusan mereka (KPM, 2017).

Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam terbentuk dari gabungan beberapa sekolah yang menawarkan pengajian tingkatan enam. Pelbagai perubahan dan penambahbaikan pengajian telah dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat. Di antara perubahan yang dirancang adalah mencakupi aspek persediaan guru dan pengurusan pengajian tingkatan enam. Guru akademik perlu bersedia menghadapi cabaran dan dasar baru yang memerlukan komitmen dan kesungguhan guru dalam menghadapi perubahan dasar baru penjenamaan tingkatan enam (Tang & Tham, 2014; KPM 2008).

Guru tingkatan enam ataupun guru akademik dikehendaki membuat penyelidikan mahupun kajian tindakan serta dikehendaki menghadiri kursus mahupun kolokium untuk memastikan guru bersedia sesuai dengan perubahan yang telah dirancang. Oleh hal yang demikian sekiranya perubahan ini tidak dirancang dengan baik dan teliti dikhuatirkan akan menambahkan beban tugas guru. Aliran tingkatan enam yang masih berkongsi sekolah dengan arus perdana juga akan melaksanakan tugas bersama arus perdana. Situasi ini boleh sahaja mempengaruhi utiliti bekerja guru tingkatan enam (Mohamad Firdaus & Mohamed Yusof, 2017). Selain itu guru akademik akan menjadi medium utama dalam melaksanakan dan menggerakkan visi penjenamaan semula serta transformasi tingkatan enam. Guru akademik hendaklah mencapai utiliti bekerja seperti mana yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 tercapai.

Menurut kajian Mohamad *et al.*, (2010) menyatakan faktor-faktor penyebab ketidakpuasan kerja dalam kalangan guru adalah kerana ciri personaliti guru yang lemah, bebanan tugas yang melampau, iklim organisasi sekolah yang tidak menyokong, hubungan kurang baik sesama kakitangan guru, pengetua yang tidak berkesan, peluang kenaikan pangkat yang terhad dan banyak lagi faktor-faktor yang telah diutarakan. Guru hari ini hendaklah cemerlang dari semua aspek terutama di bidang teknologi. Kemajuan Negara seiring dengan kemajuan teknologi. Guru yang berpesonaliti cemerlang sangat diperlukan untuk mendidik anak bangsa hari ini.

Bebanan dan kerja tanggungjawab yang banyak dan perlu dilakukan oleh guru sama ada tanggungjawab di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah selain menyelesaikan kerja-kerja sekolah Syukri (1998). Selain itu peranan guru ialah memacu kecemerlangan modal insan hari ini. Menjadi fasilitator dalam proses pembelajaran, sebagai model dan pembimbing, agen pemangkin perkembangan pelajar serta menjadi pengatur dan penyelesai konflik dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran dalam kelas demi memastikan pelajar berasa seronok berada dalam pengajian tingkatan enam ini. (Sufean, 2003). Tugas utama seorang guru adalah

mengajar dan mendidik anak bangsa. Tetapi, hari ini guru banyak dihujani dengan tugas-tugas perkeranian.

Bidang kerjaya guru hari ini sangat mencabar kerana guru-guru dibebankan dengan pelbagai tugas. Seolah-olah pengajaran bukan menjadi keutamaan guru kerana dikejarkan dengan bermacam-macam beban tugas yang mana hendaklah disiapkan dengan segera. Kajian Tajul *et al.*, (2013) mendapati bahawa bidang tugas guru merupakan profesion kerjaya yang paling mencabar dan mempunyai impak tekanan yang hebat. Gagal dalam mengendalikan tekanan boleh menyebabkan hubungan sosial seorang guru akan terjejas. Sama ada hubungan pelajar bersama guru, masyarakat bersama guru, dan guru dan guru. Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta menyumbang kepada kekeruhan hubungan sesama pelajar dan pelajar boleh berlaku sekiranya guru gagal mengawal diri akibat tekanan yang melampau (Sapora, 2007).



Persepsi terhadap peranan yang tersurat dan tersirat dalam pekerjaan juga menyumbang kepada tekanan kerja kepada guru-guru sehingga mewujudkan ketidakpuasan kerja. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak berkata kaedah untuk mengurangkan beban tugas pentadbiran guru akan diberi perhatian segera dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

... langkah tersebut memerlukan tindakan supaya guru boleh menumpukan sebahagian besar masa mereka pada fungsi pengajaran teras. Bebanan tugas guru merupakan antara perkara yang telah dibincangkan oleh timbalan saya Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga merupakan Menteri Pelajaran. Itulah pembaharuan yang kita akan laksanakan bagi mengurangkan beban guru dalam tugas yang tiada kaitan dengan tugas utama sebagai pendidik. Keperluan guru harus diberi keutamaan sebagai motivasi untuk mereka menyampaikan

pengajaran secara berkesan di dalam dan luar bilik serta pencapaian dan kejayaan sekolah itu bergantung kepada warga pendidik ...

( Sumber : Astro Awani Februari 08, 2013 )

Jawatankuasa kerja pelaksana menangani isu beban tugas guru yang mengkaji 14 isu yang memberi kesan kepada tugas guru. Antara langkah yang diambil adalah memperkenalkan Sistem Pengurusan Sekolah bertujuan untuk melaksanakan tugas berkaitan sistem kemasukan data. Jawatan yang diperkenalkan adalah Pembantu Tadbir N17 dan ditempatkan di sekolah-sekolah di bawah kementerian. Selain itu pemansuhan ujian dan peperiksaan setara, prasarana sekolah perlu dipertingkat bagi menangani isu-isu beban tugas guru ( Utusan Malaysia, 2012).

Bebanan kerja yang melampau akan memberi kesan kepada prestasi seseorang individu. Penyataan ini selaras dengan pandangan (Brock & Grady, 2001), masalah kemerosotan prestasi dan utiliti kerja guru berkait rapat dengan beban kerja, ketidakadilan dan iklim sekolah yang negatif yang tidak menyokong kepada peningkatan motivasi guru agar dapat meningkatkan prestasi kerja mereka di sekolah. Kekaburuan peranan juga faktor penyumbang kepada ketidakpuasan hati golongan guru hari ini. Kecelaruan peranan sangat memberi impak yang negatif kepada komitmen guru.

Personaliti guru merupakan faktor peramal yang dilihat dalam kajian ini. Personaliti seorang guru adalah berbeza dengan individu guru yang lain. Setiap guru membawa perwatakan dan identiti diri yang berlainan antara satu sama lain. Selain itu, personaliti seorang guru sangat sinonim dengan utiliti kerja guru. Namun ia boleh diungkai sejauh mana komitmen mereka dalam melaksanakan tugas. Bagaimana penerimaan tugas mereka sebagai seorang guru. Seseorang individu boleh dilihat dari aspek keterbukaan, kehematan, ekstraversi, penerimaan, dan neuroticism yang berkaitan dengan pencapaian dalam satu bidang pekerjaan (Lim, 2012).